



**NOTIS PERKAPALAN MALAYSIA**  
**MALAYSIAN SHIPPING NOTICE**

**JABATAN LAUT MALAYSIA**

**MARINE DEPARTMENT MALAYSIA**

Ibu Pejabat Laut, Peti Surat 12, 42007 Pelabuhan Klang

Tel : 03-33467777, Fax : 03-31685289, E-mail : [kpgr@marine.gov.my](mailto:kpgr@marine.gov.my)

Webpage : <http://www.marine.gov.my>

**MSN**

**04/2014**

Notis kepada pemilik kapal, agen perkапalan, Nakhoda, pelaut, pengusaha pelabuhan dan industri maritim  
Notice to shipowners, ship agents, Masters, seafarers, port operators and the maritime industry

**PENETAPAN TARikh PERMULAAN PENGUATKUASAKAN AKTA PERKAPALAN SAUDAGAR (PINDAAN DAN PERLUASAN) 2011 [AKTA A1393]-LIMITATION OF LIABILITY FOR MARITIME CLAIMS 1976 SEPERTI YANG PINDA MELALUI PROTOKOL 1996**

**APPOINTMENT OF DATE OF COMING INTO OPERATION OF THE MERCHANT SHIPPING (AMENDMENT AND EXTENSION) ACT 2011 [A1393 ACT]- LIMITATION OF LIABILITY FOR MARITIME CLAIMS 1976 AS AMENDED BY PROTOCOL 1996**

1. Pada menjalankan kuasa yang diberikan oleh subseksyen 1(2) Akta Perkapalan Saudagar (Pindaan dan Perluasan) 2011 [Akta A1393], Menteri telah menetapkan 1 Mac 2014 sebagai tarikh Akta ini mula berkuatkuasa di Semenanjung Malaysia dan Wilayah Persekutuan Labuan. Antara lainnya, Akta ini meminda Ordinan Perkapalan Saudagar 1952 termasuk menguatkuasakan keperluan kontrak insurans atau jaminan kewangan ke atas semua kapal yang memasuki mana-mana pelabuhan di Semenanjung Malaysia atau Wilayah Persekutuan Labuan; atau mana-mana perairan Persekutuan; atau kawasan Zon Eksklusif Ekonomi.

2. Mana-mana kapal tidak boleh memasuki, atau meninggalkan kawasan atau perairan seperti yang dinyatakan didalam perenggan 1 diatas melainkan kapal tersebut mempunyai kontrak insurans atau jaminan kewangan lain yang memenuhi keperluan seperti yang dinyatakan didalam dalam *Convention for the Limitation of Liability for Maritime Claims 1976* seperti yang dipindah melalui Prokotol 1996 (yang selepas ini dipanggil sebagai "Konvensyen itu") .

1. In exercise of the powers conferred by subsection 1(2) of the Merchant Shipping (Amendment and Extension) Act 2011 [Act A1393], the Minister appoints 1 March 2014 as the date on which the Act comes into force in Peninsular Malaysia and the Federal Territory of Labuan. Amongst others, the Act amended the Merchant Shipping Ordinance, 1952 which includes enforcing the requirements of a contract of insurance or financial security on all vessels entering any port in Peninsular Malaysia or the Federal Territory of Labuan; or any part of Federation waters; or the Exclusive Economic Zone .

2. Any ship shall not enter, or leave an area or waters as stated in paragraph 1 above unless there is in force in respect of the ship a contract of insurance or other financial security satisfying the requirements of the Convention for the Limitation of Liability for Maritime Claims 1976 as amended by Protocol 1996 (hereinafter referred as "the Convention").

3. Jika sesebuah kapal disabitkan kesalahan kerana melanggar keperluan ini, nakhoda atau pemilik kapal itu boleh dikenakan denda tidak kurang daripada dua ratus ribu ringgit dan tidak melebihi lima ratus ribu ringgit.
  4. Sehubungan dengan itu, semua pihak berkaitan adalah dinasihatkan untuk mematuhi semua kehendak di dalam Konvensyen itu. Dilampirkan bersama-sama ini Jadual Ke Enam Belas, Ordinan Perkapalan Sudagar, 1952 sebagai rujukan.
3. If a ship is found guilty of contravening the said requirements, the master or the owner of the ship shall be liable on conviction to a fine of not less than two hundred thousand ringgit and not more than five hundred thousand ringgit.
  4. As such, all related parties are advised to adhere to the requirements of the Convention. Attached herewith is the Sixteenth Schedule of the Merchant Shipping Ordinance, 1952 as reference.

Ketua Pengarah Laut/Director General of Marine

Tarikh : 3 Jun 2014

